

BAB 3 : KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

BAHAGIAN A : ISI TEMPAT KOSONG

WARISAN NEGERI-NEGERI MELAYU

- 1 Negeri-negeri Melayu seperti Johor, Perak dan Pahang berdasarkan sistem pemerintahan **Kesultanan Melayu Melaka**.
- 2 Kerajaan **Johor, Perak** dan **Pahang** diasaskan oleh kerabat diraja Melaka.
- 3 Semua pemerintah negeri tersebut menggunakan gelaran **Sultan** pada awal masing-masing.
- 4 Secara umum, sistem pewarisan takhta di negeri-negeri tersebut mementingkan jurai keturunan sebelah **bapa**.
- 5 Menurut sistem ini, **putera sulung** sultan dengan permaisurinya berpeluang mewarisi takhta kerajaan.
- 6 Sekiranya sultan tidak dikurniai putera, **adik lelaki** sultan boleh mewarisi takhta tersebut.
- 7 **Sistem Pembesar Empat Lipatan** diamalkan di Melaka.
- 8 Perbezaan antara ketiga-tiga negeri tersebut adalah pada gelaran **pembesarnya**.
- 9 Undang-undang bagi Johor, Perak dan Pahang disalin dan dipinda berdasarkan **Hukum Kanun**.
- 10 **Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Syah** telah menyusun Undang-Undang Pahang pada tahun 1596.

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

KESULTANAN KELANTAN

Soalan 1

**Sistem Jemaah Menteri di Kelantan diamalkan sejak
Pemerintahan Sultan Mohamad I (1801 – 1836)**

- a) **Apakah tujuan utama negeri Kelantan membentuk Sistem Jemaah Menteri?**
F1 Melicinkan pentadbiran Kelantan (1 markah)
- b) **Tuliskan dua ciri Sistem Jemaah Menteri pada masa pemerintahan Sultan Muhammad II**
F1 Terdapat lapan badan Jemaah Menteri
F2 Setiap satunya dianggotai oleh empat orang pembesar
F3 Setiap Jemaah Menteri mempunyai bidang tugas masing-masing. (2 markah)

- c) Nyatakan perubahan yang dilakukan oleh Sultan Muhammad II dalam struktur pentadbiran di Kelantan.
- F1 Menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam pertikaian merebut kuasa
 F2 Menggantikannya dengan golongan pemberesar yang mengelar Nik dan Wan
- (1 markah)
- d) Namakan tiga jawatan dalam Sistem Jemaah Menteri Kelantan
- F1 Jemaah Menteri Dalam Negeri
 F2 Jemaah Menteri Peperangan
 F3 Jemaah Penasihat Raja
 F4 Jemaah Menteri Istana
- (3 markah)
- e) Sekiranya anda seorang pemimpin , apakah yang akan anda lakukan untuk memantapkan sistem pentadbiran negara?
- F1 Menguasai ilmu pengetahuan
 F2 Menguasai ICT
 F3 Mempelajari sistem pentadbiran moden
 F4 Mengutamakan pembangunan negara
 F5 Mempelajari dari pihak swasta
 F6 Menghadiri kursus
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (3 markah)

BAHAGIAN C : SOALAN ESEI

NEGERI SEMBILAN-PRINSIP DEMOKRASI DAN KONSEP PERSEKUTUAN

Soalan
1(a)



Rajah di atas menunjukkan sebahagian daripada proses demokrasi dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Terangkan prinsip demokrasi dalam Adat Perpatih

(9 markah)

Markah

- | Butiran | Markah |
|--|--------|
| F1 perlantikan pemimpin dibuat dari peringkat paling bawah | 1 |
| F2 bermula daripada anak buah | 1 |

F3	diikuti oleh Buapak	1
F4	diikuti Lembaga	1
F5	Undang	1
F6	Undang kemudian melantik Yang Dipertuan Besar	1
F7	Yang Dipertuan Besar tidak berhak melantik pembesar	1
F8	perlantikan pembesar dibuat oleh Undang, Lembaga, Buapak dan Anak Buah	1
F9	keputusan Yang Dipertuan Besar berdasarkan rundingan dengan Undang	1
F10	ketua setiap luak ialah Undang	1
F11	Undang dipertanggungjawab melantik Yang Dipertuan Besar	1
F12	Undang dipilih oleh Lembaga	1
F13	Di bawah Undang ialah Lembaga	1
F14	Lembaga adalah ketua suku	1
F15	Lembaga dilantik oleh Buapak	1
F16	Buapak merupakan Ketua Perut	1
F17	Buapak menjadi tempat rujuk mengenai adat	1
F18	Sistem ini tidak mengamalkan kuasa mutlak	1

Mana-mana 9x 1m (9 m)

- 1(b) Jelaskan peranan pembesar dalam sistem pentadbiran mengikut Adat Perpatih.**

(7 markah)

F1	Yang Dipertuan Besar	1
H1a	Pemerintah tertinggi	1
H1b	Membuat keputusan setelah berunding dengan Undang	1
H1c	Tidak berhak melantik pembesar	1
F2	Undang	1
H2a	Merupakan Ketua Luak	1
H2b	bertanggungjawab melantik Yang Dipertuan Besar	1
H2c	Empat luak utama, iaitu Rembau, Sungai Ujong, Jelebu dan Johol	1
F3	Lembaga	1
H3a	merupakan ketua suku anggota masyarakat	1
H3b	bertanggungjawab terhadap suku masing-masing	1
H3c	Lembaga berkuasa memilih individu yang layak menjadi Undang	1
F4	Buapak	1
H4a	Mengetuai Perut /Anak Buah	1
H4b	Menjadi rujukan bagi masalah adat	1

Mana-mana 7 x 1m (7 m)

- c) Sekiranya anda seorang pemimpin, nyatakan nilai Adat Perpatih yang boleh dicontohi.**

(4markah)

F1	Konsep bersekutu/ persekutuan	1
F2	Sistem demokrasi	1

F3	Perundingan	1
F4	Bergotong-royong	1
F5	Pengagihan kuasa	1
F6	Bekerjasama	1
F7	Saling menghormati (mana-mana yang munasabah)	1

Mana-mana 4 x 1 m (4 m)

BAHAGIAN D : SOALAN OBJEKTIF

- 1** Dalam masyarakat Melayu tradisional, bukti kewujudan kerajaan atau negeri ialah
- A adanya institusi kerajaan
 - B adanya sempadan wilayah
 - C adanya raja yang memerintah**
 - D ada penduduk yang mendiami wilayah

JAWAPAN C

- 2** Antara berikut, yang manakah bukti kedaulatan berada di tangan rakyat dalam sistem pemerintahan berasaskan Adat Pepatih di Negeri Sembilan?
- I Rakyat berhak memecat Yang Dipertuan Besar
 - II Penentuan pelantikan Yang Dipertuan Besar oleh lembaga
 - III Perlantikan Yang Dipertuan Besar adalah secara pemilihan**
 - IV Keputusan Yang Dipertuan Besar hasil rundingan dengan Undang**
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV**
 - D I dan IV

JAWAPAN C

- 3** Penjajah British mengubah konsep negeri atau kerajaan masyarakat Melayu tradisional melalui
- A pelaksanaan sistem perundangan Barat
 - B pengenalan sistem birokrasi Barat
 - C pelantikan pembesar berbangsa Eropah
 - D penetapan sempadan setiap negeri**

JAWAPAN D

- 4** Apakah isu yang digunakan oleh Otto Eduard Von Bismarck untuk membangkitkan semangat rakyat di medan peperangan?
- A Persamaan agama
 - B Bangsa yang mulia
 - C Membenci kuasa asing**
 - D Persamaan rumpun bangsa

JAWAPAN C

5

- Undang-undang Pahang
- Undang-undang 99 Perak
- Undang- Undang Tubuh Kerajaan Johor

Apakah keistimewaan undang-undang di atas?

- A **Diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka**
- B Digubal oleh pemerintah negeri dengan bantuan bangsawan
- C Diiktiraf sebagai undang-undang bertulis terawal di Asia Tenggara
- D Diubahsuai daripada kitab Undang-undang Kerajaan Melayu di Jawa

JAWAPAN A

6 Apakah ciri kenegaraan dalam Kesultanan Melayu Melaka?

- I Perlembagaan
- II Pembesar
- III Kedaulatan
- IV Wilayah Pengaruh
- A I dan II
- B I dan IV
- C I dan III
- D **III dan IV**

JAWAPAN D

7 Apakah tanggungjawab Jemaah Menteri Istana di Kelantan?

- A Menjaga keamanan negeri
- B Menguruskan pembangunan negeri
- C Mengendalikan harta benda negeri
- D **Menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi**

JAWAPAN D

8 Mengikut Perlembagaan Terengganu 1911, siapakah yang mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan?

- A Sultan
- B Raja Muda
- C **Menteri Besar**
- D Jemaah Menteri

JAWAPAN C